



جياتن او كور

Survey Department
Ministry of Development
Negara Brunei Darussalam

Ruj : [14] dlm.SS/1223/2

Tarikh : 26 Ramadan 1446H
27 Mac 2025

SIARAN AKHBAR

MAJLIS KHATAM AL-QURAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA KELOLAAN JABATAN UKUR BAGI TAHUN 1446H/2025M

Khamis, 26 Ramadan 1446H / 27 Mac 2025

Tadarus Al-Quran Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya sempena menyambut bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi berakhir petang tadi dengan Majlis Khatam Al-Quran di Masjid Kampung Berib. Majlis pada tahun ini telah dikelolakan oleh Jabatan Ukur.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.

Turut hadir ialah Yang Mulia, Dr Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap; Yang Mulia, Sr. Dayang Hajah Norhayati Binti Haji Mohd Yakub, Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan); Yang Mulia, Dayang Aldila binti Haji Mohamed Salleh Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang); Yang Mulia, Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar, Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional); Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya; Ketua-ketua Jabatan; para pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya serta para ahli Masjid Kampung Beribi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan, diikuti dengan bacaan Juzuk 30 beramai-ramai bersama lapan puluh (80) qari dan qariah yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis diteruskan dengan bacaan Tahtim dan Doa Khatam yang diketuai oleh wakil Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

-Bersambung-



جياتن اوکور

Survey Department
Ministry of Development
Negara Brunei Darussalam

Majlis diakhiri dengan penyampaian sumbangan wakaf yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan kepada Imam Masjid Kampung Beribi, Yang Mulia Awang Anuar bin Haji Salim dan penyampaian sijil penghargaan kepada qari dan qariah serta para wakil Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, diikuti dengan berbuka puasa dan solat Fardhu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Imam masjid berkenaan.

Majlis ini merupakan aktiviti keagamaan Kementerian bagi menyemarakkan dan meraih pahala pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

-TAMAT-

Pegawai Fokal dilantik:
Willyza Bibiana binti Ibrahim
Juruukur
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan
Personel
Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
Tel: 827 9497
Emel: willyza.ibrahim@survey.gov.bn

Dibenarkan Oleh:
Nor Zetty Akhtar binti Haji Abdul Hamid
Pemangku Juruukur Agung
Jabatan Ukur
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam